

## Diaspora Orang Banjar Di Asia Tenggara dan Timur Tengah

(Catatan Peribadi)

NORDIN KARDI

Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah

1. Ibu dan bapa saya di lahirkan di Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya. Bapa dilahirkan di Perak dan ibu di lahirkan di Johor. Ertinya ibu dan bapa adalah generasi ke-2 tinggal di Malaya dan saya pula tergolong dalam generasi ke-3.
2. Ayah kepada bapa meninggal dunia sebelum saya dilahirkan dan dengan itu saya tidak mempunyai apa-apa ingatan dengan beliau. Saya pernah bersama dengan nenek kepada ayah saya. Oleh kerana ketika itu saya masih sangat kecil, ingatan saya terhadap beliau juga sangat tipis. Oleh itu saya tidak pasti bilakah urutan keturunan sebelah bapa saya mula berhijrah ke Malaya dari BANUA di Indonesia.
3. Saya bersama arwah bapa kepada ibu saya sempat bersama melalui perjalanan kehidupan kerana beliau meninggal setelah saya sudah mendapat pendidikan tinggi serta berkerjaya. Beliau meninggal pada umur melebihi 90 tahun. Oleh yang demikian itu banyak maklumat yang saya perolehi mengenai hubungan saya dengan 'BANUA', tanah Banjar melalui nenenda saya itu. Banyak juga cerita-cerita menarik dengan pelbagai pengajaran yang beliau sampaikan kepada saya yang kemudiannya menjadi panduan hidup saya. Datuk atau nenenda saya itu bernama Haji Abdul Hamid bin Haji Musa. Ibu saya bernama Maimunah binti Abdul Hamid dan bapa saya pula bernama Kardi bin Tatang@Ahmad.
4. Haji Abdul Hamid dilahirkan pada tahun 1906. Saya diberitahu yang beliau dilahirkan di kawasan yang diberi nama Barabai, Kalimantan. Tidak tahu saya berapakah umur beliau semasa beliau dibawa berpindah ke Deli, Sumatra. Dari Deli itulah kemudian beliau mengharungi lautan berhijrah ke Malaya secara bersendirian tanpa sesiapa dan semenjak itu tidak lagi pernah pulang ke Deli atau ke Barabai.
5. Berdasarkan tarikh-tarikh dan kejadian-kejadian yang diceritakan, saya anggarkan bahawa perpindahan nenenda saya ke Tanah Malaya adalah sama masanya dengan yang disebut beberapa penulis sebagai gelombang ke-3 penghijrahan iaitu sekitar 1920an. Anggaran ini berdasarkan juga kepada tahun kelahiran ibu saya pada 1929 dan bapa saya lahir pada 1926.
6. Apakah pentingnya tarikh-tarikh yang saya sebutkan. Tarikh-tarikh tersebut menjadi penting kepada masyarakat Melayu pelbagai keturunan dari Indonesia yang berhijrah ke Malaya. Tahun-tahun itu adalah tahun bermulanya tiupan angin kesedaran pembaharuan pemikiran umat Islam yang diserukan oleh Syed Sheikh AlHadji, Sheikh Tahir Jalaludin, Pendeta Za'ba dan beberapa lagi yang mengambil pemikiran pembaharuan Muhammad Abduh. Za'ba misalnya menulis mengenai Falsafah Takdir dengan pemikiran yang menolak tahyul dan khurafat yang sekian lama dilihatnya menjadi pegangan orang Melayu yang merugikan. Kebergantungan

kepada pawang dan bomoh dengan pemikiran yang dianggapnya sebagai penyebab kemunduran orang Melayu hendaklah digantikan dengan 'kepercayaan kepada diri sendiri' serta kepercayaan kepada pemikiran sains. Pegangan 'resekai secupak tidak akan menjadi segantang' ditentang oleh tulisan-tulisan Za'ba. Sebagai pilihan Za'ba mencadangkan supaya orang Melayu merebut pelbagai peluang pendidikan dan memajukan ekonomi supaya orang Melayu benar-benar merdeka daripada penjajahan pemikiran dan penjajahan kehidupan. Orang Melayu di pujuhnya supaya rajin bekerja dan berkerja bersama-sama seperti menubuhkan koperasi, institusi pendidikan dan yang lainnya. Za'ba juga menulis mengenai pentingnya anak-anak perempuan dikeluarkan daripada dapur dan hantar ke sekolah-sekolah guna mendapatkan pendidikan. Mereka juga tidak boleh ketinggalan daripada arus perubahan dunia.

7. Saya katakan detik perpindahan itu penting kerana jika mereka kekal di Indonesia, keutamaan pemikiran mereka tentu berbeza dengan yang di Malaysia. Sesuatu masyarakat itu biasanya terikut dengan pengaruh lingkungan tempat dia berada.
8. Hasil pengaruh itulah nenenda saya menjadi salah seorang daripada beberapa orang yang sangat sedikit yang berani menghantar anak-anaknya ke sekolah termasuk ibu saya pada saat jarang sekali anak-anak perempuan dihantar ke sekolah. Ini saya dapat lihat perbandingannya apabila semua ibu saudara saya daripada sebelah bapa tidak bersekolah dan tidak pandai membaca. Persekolahan ibu saya terhenti apabila berlaku Perang Dunia Ke-2, penaklukan Jepun ke atas Malaya dan Penguasaan Komunis Bintang Tiga. Nenenda saya terpaksa membawa ibu saya lari dari Johor ke Perak kerana ibu saya telah didekati oleh Bintang Tiga untuk dibawa ke hutan dikatakan akan diberi peranan sebagai jurutulis kerana ibu saya pandai menulis dan membaca.
9. Hal bermulanya pemikiran yang mengutamakan pendidikan dalam keluarga saya menjadi tapak yang sangat subur apabila Malaya mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Perdana Menteri Malaya yang pertama, Tunku Abdul Rahman menyatakan kemerdekaan Malaya akan diisi hanya dengan dua perkara:
  - Membasmi Kemiskinan
  - Membasmi Butahuruf
10. Dalam kehidupan yang penuh kemiskinan keluarga saya memilih untuk membelanjakan apa jua yang ada hanya untuk pendidikan saya dan kakak saya. Kami diajar berani mengharung banjir, mengharung lumpur, berjalan kaki tanpa kasut dari rumah yang jauhnya lebih dari dua kilometer untuk sampai ke sekolah. Itu berlanjutan selama enam tahun. Semasa sekolah menengah pula kami berbasikal menempuh panas dan hujan lebih daripada 15 kilometer sehari selama lima tahun. Hanya beberapa orang sahaja di kampung saya yang meneruskan pendidikan sampai ke pendidikan tinggi. Seingat saya, dalam kalangan mereka yang seangkatan dengan saya hanya saya seorang yang ke pengajian tinggi dan beberapa tahun kemudian baru ada yang menyusul. Semua itu menjadi mungkin kerana adanya gabungan pemikiran ibu dan bapa saya yang mengutamakan pendidikan dengan pemikiran pemimpin Negara yang juga mengutamakan hal yang sama. Kami tidak diajar untuk berani dalam banyak

perkara sebaliknya kami hanya diajar untuk berani mengejar pendidikan. Kami diajarkan seolah-olah tidak ada pilihan lain untuk merubah kehidupan miskin kepada kehidupan berjaya melainkan melalui pendidikan.

11. Untuk tempoh yang sangat panjang dapat dilihat bagaimana Malaya dan kemudiannya Malaysia memperuntukkan belanjawan pendidikan hampir lima kali ganda besarnya berbanding belanja pertahanan ketenteraan. Daripada sana hasilnya Malaysia menyaksikan betapa peratus kemiskinan yang melebihi enam puluh peratus pada tahun 1970 menjadi kurang daripada satu peratus pada tahun 2010. Dasar Ekonomi Baru Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1970 menjadi pemangkin utama kepada gerakan memberi pengajian tinggi kepada orang Melayu.
12. Hasil perubahan yang nyata ini menjadi 'kemenangan cepat' atau 'quick win' yang menggerakkan seluruh masyarakat orang Melayu memasuki gelombang perjuangan pendidikan. Hal ini sampai kepada masyarakat banjar yang tinggal di kebun-kebun kecil getah, kelapa dan sawah padi. Semua mereka menjadikan pendidikan sebagai sumber inspirasi merubah kehidupan dhaif kepada kehidupan selesa.
13. Daripada kehidupan dengan ekonomi sempit di desa saya dibukakan pintu kehidupan dengan pelbagai pilihan melalui pendidikan tinggi. Apabila saya menoleh ke belakang, saya terasa seperti mustahil saya akan dapat berada di dunia baru saya tanpa pendidikan tinggi. Saya memikirkan bahawa banyak orang lain juga boleh menikmati hal yang sama jika mereka diberi peluang. Peluang dan kesedaran adalah amat penting berbanding dengan kepandaian. Betapa pun pandainya seseorang itu jika dia tiada kesedaran dan ketiadaan peluang dia tidak boleh sampai ke kemuncak pendidikan. Lalu dari situ saya bertekad dalam diri saya bahawa saya hendaklah menjadi jalan atau jambatan bagi membuka peluang kepada orang kemudian yang dahulunya hidup dhaif. Saya tidak memerlukan masa yang panjang untuk membuat keputusan dalam mencari kerjaya. Pilihan saya hanyalah untuk kembali ke universiti dan berusaha membina jalan dan jambatan itu. Saya mendapat pekerjaan di Universiti Putra Malaysia pada bulan Mac dan pada bulan November saya mendapat tawaran pekerjaan Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Saya membuat keputusan untuk kekal di universiti. Alhamdulillah kemuncak kerjaya saya di universiti ialah menjadi Naib Canselor di Universiti Utara Malaysia yang dapat memberi peluang kepada ribuan anak muda mendapat pendidikan tinggi. Tentu ada di antara mereka itu yang hidup mereka dahulunya adalah dhaif seperti saya.
14. Pada saat ini di Malaysia pendidikan tinggi sudah bukan hal yang kekurangan atau 'scarce' lagi. Sudah ada dua puluh Universiti Awam dan hampir lima ratus institusi pendidikan tinggi swasta. Peluang pendidikan tinggi terbuka terlalu luas. Oleh yang demikian cabaran untuk generasi muda sudah tidak lagi untuk sampai ke pengajian tinggi. Cabaran membasmi butahuruf sudah berakhir.
15. Cabaran generasi masa kini ialah berkaitan dengan tujuan pengisian kemerdekaan yang dinyatakan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu 'membasmi kemiskinan'. Orang Melayu masih lagi relatif miskin di Negara mereka sendiri.

Peluang kekayaan dikuasai oleh golongan minoriti yang datangnya dari luar Dunia Nusantara yang kemudiannya di Malaysiakan oleh kuasa Inggeris. Mereka mempunyai rangkaian antarabangsa buat menguasai ekonomi di mana-mana saja mereka berada dengan menggunakan semangat ethnik mereka.

16. Inilah pada saya cabaran anak-anak muda generasi Banjar ke empat atau kelima. Mereka harus menyatukan semula ethnik mereka di mana jua mereka berada untuk tujuan penguasaan ekonomi. Dengan persediaan pendidikan yang sudah mencukupi, mereka hanya memerlukan keberanian memecahkan tembok pemikiran ekonomi kebergantungan kepada pemikiran ekonomi merdeka. Daripada ingin maju bersendirian dengan cara keindividuan mereka mesti berubah kepada maju bersama. Kembali kepada semangat 'BANUA' pada zaman ini haruslah untuk tujuan kekuatan ekonomi. Mengapa ekonomi? Melalui gabungan pendidikan dan ekonomi orang keturunan Banjar akan menjadi keturunan yang sangat mulia. Kenapa saya katakana begitu? Jawabannya ialah bahawa orang Banjar itu adalah orang Islam. Hampir tidak ada orang Banjar yang tidak Islam. Maka orang Islam yang paling mulia adalah orang yang paling banyak hidupnya memberi manfaat kepada orang lain. Melalui pendidikan dan ekonomi orang Banjar akan menjadi pembawa RAHMATAN LI AL-ALAMIN. Melaluinya medan perjuangan orang Banjar bukan lagi soal Indonesia, Malaya dan Kalimantan, sebaliknya medannya ialah seluruh 'globe' bahkan 'universe' sebagai wakil Tuhan dalam melipatgandakan kebaikan mengalahkan kejahatan.